

Pemuliharaan Warisan Geologi: Kajian Kes Beberapa Geotapak di Sabah

F. Tongkul
Sekolah Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Kertas kerja ini mengetengahkan isu berkaitan dengan pemuliharaan warisan geologi berdasarkan kajian kes tujuh geotapak yang terdapat di luar kawasan Taman-Taman Sabah. Penilaian awal status pemuliharaan geotapak yang berada dalam kawasan tanah kerajaan negeri, hutan simpan, ladang kelapa sawit, kuari dan tanah individu telah dilakukan. Pada kesemua kawasan di atas, pemilik tanah sama ada individu atau syarikat tidak terikat dengan mana-mana undang-undang khusus untuk menjaga geotapak yang dijumpai di kawasan mereka. Walaupun begitu, ada juga usaha pemilik individu atau syarikat untuk menjaga dan membangunkan geotapak yang boleh membawa faedah langsung kepada mereka.

Memandangkan setiap geotapak itu mempunyai keistemewaan tersendiri dan berada pada keadaan yang berlainan, pemuliharaan warisan geologi memerlukan pendekatan yang berbeza. Bagi geotapak yang mempunyai tarikan semulajadi (ada nilai rekreasi dan estetik) pemilik tanah, sama ada individu, syarikat atau agensi kerajaan nampaknya sanggup untuk menjaga dan membangunkan geotapak itu atas inisiatif sendiri. Bagi geotapak yang kurang tarikan semulajadinya, pendekatan proaktif diperlukan untuk mewartakannya sebagai warisan budaya melalui perundangan yang sedia ada. Apapun bentuk pemuliharaan dan pembangunan geotapak itu selepas ia diwartakan, penglibatan kumpulan berkepentingan (stakeholders), terutama masyarakat tempatan, perlu ada agar ia berjaya.

Pengenalan

Negeri Sabah mempunyai kepelbagaian fitur geologi yang sangat tinggi. Evolusi geologinya telah menghasilkan berbagai jenis batuan dan lanskap. Fitur geologi ini bukan sahaja mempunyai nilai-nilai fizikal (seperti adanya mineral, petroleum, bahan binaan, tanah yang subur dan sebagainya) tetapi juga mempunyai nilai kebudayaan (seperti keindahannya, keunikan evolusi geologinya, serta nilai sosial yang dikaitkan dengannya oleh penduduk tempatan). Nilai-nilai kebudayaan, seperti yang ada pada Gunung Kinabalu merupakan warisan geologi yang boleh menjadi daya penarik dalam industri ekopelancongan.

Selain kawasan Taman-Taman Negara dan kawasan yang telah diwartakan sebagai tapak khas pemuliharaan, tapak atau kawasan lain yang mempunyai fitur geologi penting kurang mendapat perlindungan. Kawasan yang dimiliki oleh individu atau syarikat, digunakan secara bebas mengikut kemahuan atau objektif ekonomi mereka. Penggunaan kawasan yang tidak terancang samaada untuk pertanian kecil-kecilan atau perladangan besar bukan sahaja boleh mengganggu ekosistem semulajadi serta mengancam kepelbagaian biologi tetapi juga memusnah warisan geologi.

